

# Malaysia tidak pernah lindungi kumpulan pemisah Thailand

UM 1 1 APR 2001

KUALA LUMPUR 10 April – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, Malaysia tidak pernah **memberikan** tempat kepada **mana-mana** kumpulan pemisah Thailand untuk bersembunyi di negara ini.

Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan ada pihak yang berasa agak senang untuk ke Malaysia seterusnya menjadikan negara ini tempat **persembunyian** tanpa pengetahuan pihak berkuasa negara ini.

“Apa boleh buat. Mereka ada banyak tempat. Mereka pilih negeri yang mereka nak pergi, kita pun tak tahu. Kalau kita tahu dia penjenayah, sudah tentu kita tahan mereka daripada masuk ke negara ini

seterusnya sesuatu tindakan boleh diambil,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, hari ini.

Beliau mengulas laporan berita yang memetik sumber pasukan keselamatan Thailand, bahawa kumpulan pemisah yang melakukan beberapa letupan bom di selatan Thai hujung minggu lalu, telah mengadakan mesyuarat di Kuala Lumpur bagi merancang serangan tersebut.

Sumber tersebut dipetik oleh akhbar tempatan sebagai berkata, perjumpaan itu diadakan pada Mac lalu, sebelum kumpulan pemisah terbabit mengatur pakar-pakar bom ke selatan Thai.

Letupan bom yang berlaku di Hat Yai dan Betong

Sabtu lalu meragut jiwa seorang kanak-kanak dan mengakibatkan berpuluh orang cedera termasuk seorang rakyat Malaysia.

Semalam, Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra berkata, beliau akan membangkitkan isu itu semasa menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di ibu negara, akhir bulan ini.

Sehubungan itu, Abdullah berkata, Malaysia akan meminta kerajaan Thailand mengemukakan laporan lengkap berhubung dakwaan berkenaan.

Beliau berkata, tuduhan itu adalah serius dan kerana itu penjelasan negara jiran itu amat diperlukan.

Tegas beliau, Malaysia adalah sebuah negara yang

menhormati negara jiran dan ia tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang mahu menjadikan negara ini sebagai pangkalan mereka sebelum melakukan rusuhan, pencerobohan atau jenayah di negara lain.

Semsa menjawab satu pertanyaan lain, Abdullah yakin kejadian letupan bom di Thailand itu tidak membabitkan rakyat negara ini.

“Tak mungkin ini dilakukan oleh rakyat Malaysia. Apa sebabnya rakyat Malaysia nak melakukan insiden seperti itu sedangkan Thailand dan kita adalah dua buah negara sahabat yang mempunyai hubungan yang begitu baik sejak dulu lagi,” katanya.